

ADENDUM TERMA PEMBELIAN KEPADA BBSLA BAGI RIME STORES

1. SKOP & APLIKASI

- 1.1 Perjanjian Lesen BlackBerry Solution (“**BBSLA**”) berkuat kuasa ke atas semua pendedaran (percuma dan berbayar) melalui RIME Stores. Adendum ini membentangkan terma dan syarat pembelian tambahan (“**Terma Pembelian**”) yang berkuat kuasa ke atas sebarang pembelian bagi sesuatu Tawaran yang RIME adalah saudagar rekod (atau ejen saudagar rekod) bagi transaksi (secara kolektif “**Pembelian**” dan tindakan membuat pembelian “**Membeli**” atau “**Telah Beli**”). RIME bermaksud Research In Motion E-Commerce S.à.r.l., Research In Motion E-Commerce Corporation, Research In Motion E-Commerce Inc., atau Sekutu RIM lain yang berkaitan yang dikenal pasti di <http://www.blackberry.com/legal/rime> sebagai pengedar Tawaran dalam bidang kuasa Anda. Rujukan kepada ‘**BlackBerry Commerce**’ dalam RIME Store atau dalam komunikasi yang berkaitan adalah, bagi tujuan Terma Pembelian ini, adalah rujukan kepada RIME. Sebarang istilah dalam huruf besar dalam Adendum ini yang tidak ditakrif dalam adendum ini hendaklah mempunyai maksud yang dinyatakan dalam BBSLA. Jika anda masih belum mempunyai sesalinan BBSLA bagi bidang kuasa Anda, ia boleh didapati di www.blackberry.com/legal.
- 1.2 ADENDUM INI MENJADI PERJANJIAN YANG MENGIKAT ANTARA ANDA, PEMBELI (RUJUKAN KEPADA “**ANDA**” DITAFSIRKAN DENGAN SEWAJARNYA), DAN RIME APABILA ANDA BERSETUJU DENGAN ADENDUM INI DENGAN MENGIKLIK ‘SAYA SETUJU’ DI BAWAH, DAN BERKUAT KUASA KE ATAS SEMUA PEMBELIAN KECUALI DAN SEHINGGA RIME MENGISYARATKAN BAHAWA TERMA YANG BERBEZA BERKUAT KUASA UNTUK PEMBELIAN MASA DEPAN. JIKA ANDA TIDAK BERSEDIA UNTUK BERSETUJU DENGAN ADENDUM INI (ATAU SEBARANG ADENDUM PADA MASA DEPAN BERHUBUNG PEMBELIAN YANG ADENDUM SEPERTI INI BERKUAT KUASA KE ATASNYA), ANDA TIDAK DIBENARKAN UNTUK MEMBUAT PEMBELIAN. SILA CETAK SESALINAN TERMA PEMBELIAN INI (YANG BOLEH DILIHAT DI www.blackberry.com/legal) SEBAGAI REKOD ANDA.
- 1.3 DENGAN BERSETUJU DENGAN TERMA PEMBELIAN INI, ANDA MEMBUAT REPRESENTASI DAN MEMBERI JAMINAN KEPADA RIME BAHAWA ANDA BERUSIA LEBIH DARIPADA USIA MAJORITI DI BAWAH UNDANG-UNDANG YANG BERKUAT KUASA DI BIDANG KUASA ANDA.
- 1.4 Sesuatu pesanan yang diserahkan oleh Anda merangkumi tawaran oleh Anda kepada RIME untuk membeli sesuatu Tawaran di bawah terma BBSLA seperti yang diubah suai oleh Adendum ini dan tertakluk pada Penerimaan RIME. Penerimaan sesuatu kontrak bagi Pembelian tertentu berlaku pada masa (a) RIME menerima pembayaran Anda untuk Pembelian, atau (b) RIME menghantar pengesahan pesanan kepada Anda, dengan itu membolehkan Anda memuat turun atau sebaliknya mencapai Tawaran tersebut; mengikut mana yang lebih awal. Terma Pembelian merangkumi kontrak berasingan antara Anda dengan RIME bagi setiap Tawaran, dan sebarang kerosakan atau kekurangan dalam mana-mana satu Tawaran tidak akan memberi anda hak untuk membatalkan Pembelian Tawaran lain oleh Anda, sama ada dipesan pada masa yang sama atau pun tidak.
- 1.5 Anda mengakui bahawa RIME bertindak sebagai ejen Vendor Tawaran dalam melengkapkan Pembelian dan, kecuali bagi Produk In-App, dalam menyempurnakan penghantaran Tawaran tersebut kepada Anda. Penghantaran Tawaran oleh RIME, adalah dengan cara membolehkan anda memuat turun ke, atau sebaliknya mencapai setiap Tawaran daripada, Perisian Pegangan Tangan BlackBerry Anda. Anda selanjutnya mengakui bahawa Produk In-App tidak disimpan pada pelayan RIME dan tidak diedarkan melalui RIME Store, dan Vendor Tawaran bagi Produk In-App tersebut, dan bukan RIME yang bertanggungjawab untuk memenuhi penghantaran Produk In-App tersebut kepada Anda.
- 1.6 RIME boleh menurut budi bicara tunggal RIME menolak pesanan Anda (tanpa liabiliti). Jika ini adalah keadaannya, tiada pembayaran akan dikenakan atau ditolak daripada kaedah pembayaran Anda yang dibenarkan, atau, RIME akan membayar balik sebarang pembayaran yang Anda telah buat untuk Tawaran tersebut sebelum ini.
- 1.7 Anda bersetuju dan membuat representasi bahawa Anda membuat Pembelian untuk kegunaan peribadi Anda sendiri dan bukan untuk pendedaran lanjut.
- 1.8 Dalam konteks Pembelian, hak yang dinyatakan dalam BBSLA untuk membuat sebarang kemas kini, pengubahsuaian, dan pelarasan kepada sesuatu RIME Store tanpa memberi notis terlebih dahulu, merangkumi

pembuatan perubahan kepada harga dan terma pembelian, termasuk terma yang berkaitan dengan RIME Store dan RIME memproses transaksi Produk In-App dengan menggunakan Perkhidmatan Pembayaran BlackBerry, dengan syarat perubahan tersebut akan hanya berkenaan bagi pesanan yang belum Diterima pada masa perubahan tersebut berkuat kuasa. Tidak terdapat perlindungan harga, dan jika Anda memilih untuk melindungi sesuatu pesanan yang belum Diterima pada masa perubahan ini berkuat kuasa, Anda mengakui bahawa Tawaran tersebut akan disediakan menurut huraian yang telah diubah suai atau ditukar tersebut dan akan tertakluk pada terma pembelian yang disemak.

- 1.9 RIME boleh menyimpan rekod dokumentasi yang berkaitan dengan semua transaksi bagi tempoh tersebut seperti yang mungkin dibenarkan oleh undang-undang yang berkuat kuasa. Anda seharusnya mencetak sesalinan semua dokumen yang berkaitan dengan Pembelian yang Anda buat melalui RIME Store. RIME mungkin, tetapi tidak boleh menjamin, bahawa RIME akan dapat memberi kepada Anda salinan dokumen-dokumen tersebut apabila anda membuat permintaan secara bertulis.

2. HAK DAN TANGGUNGJAWAB

- 2.1 RIME berhak untuk mengesahkan Maklumat Lokasi dan Pembayaran Anda (ditakrifkan di bawah) dan mengambil langkah-langkah lain untuk mengesahkan pengenalan Anda atau mengesan dan melindungi daripada penipuan atau kecurian.
- 2.2 Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa sebarang kata laluan yang Anda guna untuk mencapai atau menggunakan RIME Store dan/atau membuat pembayaran untuk Tawaran kekal selamat dan peruntukan dalam BBSLA yang berkaitan dengan kata laluan berkuat kuasa ke atas penggunaannya oleh Anda semasa membuat Pembelian. Sebaik sahaja Anda memasukkan kata laluan, Anda diperlukan untuk memasukkan semula kata laluan untuk membuat Pembelian semasa tempoh gesaan kata laluan yang ditunjukkan dalam tetapan Pilihan Pembayaran Anda. Jika Anda mahu digesa untuk kata laluan Anda bagi setiap Pembelian yang Anda buat, Anda hendaklah menukar tetapan gesaan kata laluan dalam tetapan Pilihan Pembayaran Anda.
- 2.3 Tawaran yang disediakan melalui RIME Store dihasratkan untuk individu dengan kapasiti dan keupayaan yang diperlukan untuk memberi kebenaran yang sah di sisi undang-undang untuk memberi maklumat yang diperlukan dan untuk menyertai kontrak yang mengikat dan boleh dikuatkuasakan. Anda bersetuju untuk bertanggungjawab dari sudut kewangan dan sebaliknya dalam penggunaan RIME Store oleh Anda serta untuk sebarang penggunaan akaun atau maklumat log masuk Anda oleh orang lain, termasuk, tanpa had, kanak-kanak bawah umur, dan Anda bersetuju untuk menyelia semua penggunaan RIME Store, dan sebarang Pembelian yang dibuat, di bawah nama Anda atau akaun oleh Pengguna Anda Yang Dibenarkan.
- 2.4 RIME berhak untuk mengambil langkah yang RIME percaya secara munasabah adalah perlu atau wajar untuk menguatkuasakan dan/atau mengesahkan pematuhan terhadap mana-mana bahagian Terma Pembelian ini, termasuk untuk memudahkan pembayaran cukai yang berkenaan kepada badan kerajaan atau fi kepada Vendor Tawaran yang Tawarannya Anda Telah Beli (termasuk tetapi tidak terhad pada hak RIME untuk bekerjasama dengan mana-mana proses undang-undang yang berkaitan dengan penggunaan Tawaran ini oleh Anda dan/atau dakwaan pihak ketiga bahawa penggunaan Tawaran ini oleh Anda melanggar undang-undang dan/atau melanggar hak pihak ketiga tersebut). Anda bersetuju bahawa RIME berhak, tanpa liabiliti kepada Anda, untuk mendedahkan sebarang maklumat mengenai Anda kepada pihak penguat kuasa cukai atau undang-undang, pegawai kerajaan, dan/atau pihak ketiga seperti yang RIME percaya adalah secara munasabah perlu atau wajar untuk menguatkuasakan dan/atau mengesahkan pematuhan terhadap mana-mana bahagian Terma Pembelian ini (termasuk tetapi tidak terhad pada hak RIME untuk bekerjasama dalam sebarang proses undang-undang yang berkaitan dengan penggunaan Tawaran ini oleh Anda dan/atau dakwaan pihak ketiga bahawa penggunaan Tawaran ini oleh Anda melanggar undang-undang dan/atau melanggar hak pihak ketiga tersebut).

3. HARGA, CUKAI DAN TERMA PEMBAYARAN

- 3.1 Harga yang perlu dibayar untuk Tawaran adalah yang dipaparkan dalam skrin pengesahan pembelian yang berkenaan semasa Penerimaan, dan tertakluk pada cukai yang berkenaan seperti yang ditentukan secara munasabah oleh RIME. Kaedah pembayaran anda yang dibenarkan akan dicaj dengan harga dan cukai semasa Penerimaan pesanan Anda. **ANDA BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MEMBAYAR AMAUN INI.** Sebagai penjelasan, tiada pembayaran balik akan dibuat jika harga turun selepas Anda Membeli sesuatu Tawaran atau jika kemudian ada tawaran promosi bagi Tawaran yang Anda Telah Beli. Jika

Anda rasa terdapat salah debit atau salah caj melalui kaedah pembayaran Anda yang dibenarkan , Anda hendaklah memaklumkan khidmat pelanggan RIME Store dalam tempoh 30 hari dari Pembelian Anda, di <https://www.blackberry.com/technicalsupport/index.do?ft=generic>.

- 3.2 Sesetengah Tawaran disediakan berdasarkan langganan auto-pembaharuan, yang bertujuan untuk menjimatkan masa, tenaga dan risiko Anda dengan melanjutkan langganan Anda secara automatik sebelum tempohnya tamat. Dengan membeli Tawaran langganan auto-pembaharuan, Anda bersetuju bahawa langganan Anda boleh diperbaharui secara automatik untuk tempoh pembaharuan akan datang yang berturut-turut, dan Anda secara jelas memberi kuasa dan membenarkan RIME mengebil setiap fi pembaharuan langganan kepada kaedah pembayaran terpilih Anda sehingga sama ada Anda (atau, untuk langganan hadiah, Anda atau penerima hadiah tersebut) membatalkan langganan ini, atau RIME menamatkan pembaharuan dan pengebilan automatik bagi langganan tersebut. Bagi setiap Tawaran langganan auto pembaharuan yang Anda beli, Anda akan dihantar sekurang-kurangnya satu e-mel kepada alamat e-mel yang Anda beri berhubung dengan ID BlackBerry Anda untuk mengingatkan Anda mengenai pembaharuan yang perlu dilakukan sebelum langganan anda diperbaharui. Anda boleh mengawal langganan Anda sepenuhnya dan boleh membatalkan auto pembaharuan Anda pada bila-bila masa. Pengesahan pesanan Anda dan e-mel pengesahan akan disertakan dengan arahan mengenai cara membatalkan pembaharuan automatik langganan Anda. Sila ambil perhatian bahawa jika Anda menghentikan langganan Anda untuk sesuatu Tawaran tertentu, Anda hendaklah memperbaharui langganan Anda secara manual untuk mencegah gangguan capaian kepada Tawaran ini.
- 3.3 Semua caj bagi Pembelian akan dibil kepada kaedah pembayaran yang Anda pilih dalam RIME Store yang berkenaan. Jika Anda ingin menukar kaedah pembayaran Anda, Anda boleh melakukannya di bawah menu Pilihan Pembayaran dalam RIME Store.

4. TERMA LESEN VENDOR

- 4.1 Seperti pengedaran percuma melalui RIME Store, hak milik tidak berpindah dengan Pembelian Kandungan dan Tawaran perisian. Anda berhak untuk menggunakan salinan Kandungan dan Tawaran perisian yang Anda Beli tertakluk pada, dan menurut terma mana-mana perjanjian lesen pengguna akhir, peraturan, atau terma dan syarat lain yang disertakan dengan Tawaran berkenaan (“**Terma Lesen Vendor**”). BBSLA menetapkan terma yang berkuat kuasa apabila tiada Terma Lesen Vendor. Sesetengah Terma Lesen Vendor mungkin dimasukkan ke dalam peraturan bagi perkhidmatan tertentu. Contohnya, jika Anda Membeli sewaan sebuah filem, mungkin terdapat had masa berhubung bila Anda perlu mula menonton filem tersebut (contohnya, dalam tempoh 30 hari dari Pembelian) dan, setelah Anda mula menonton filem tersebut, mungkin terdapat had mengenai bila Anda mesti selesai menontonnya (contohnya, dalam tempoh 24 jam). Mungkin juga terdapat had berhubung model peranti mana, atau pada berapa peranti berbeza Anda boleh menonton filem tersebut. Anda mengakui dan bersetuju bahawa keupayaan Anda untuk mencapai atau menggunakan Tawaran sedemikian boleh ditamatkan secara automatik, tanpa notis lanjut kepada Anda, berlandaskan Terma Lesen Vendor yang berkuat kuasa.

5. RISIKO DAN SANDARAN

- 5.1 Melainkan seperti yang sebaliknya diperuntukkan dalam Terma Pembelian ini, risiko kehilangan atau kerosakan kepada Tawaran RIME Store dan dalam Produk In-App, masing-masing berpindah kepada Anda daripada RIME dan daripada Vendor Tawaran, semasa muat turun. Seperti pengedaran Tawaran yang lain, sebaik sahaja Anda memuat turun sebarang Tawaran, ia menjadi tanggungjawab Anda, dan RIME mahupun sekutunya, atau Vendor Tawaran, tidak akan bertanggungjawab kepada Anda untuk sebarang kehilangan, pemusnahan, atau kerosakan kepada mana-mana bahan tersebut. Anda hendaklah membuat sandaran bagi Tawaran Anda. Repositori RIME Store anda (“**Dunia Saya**”) membolehkan Anda menyahpasang dan memasang semula Perisian dan Item Pihak Ketiga tertentu pada Produk Pegangan Tangan Anda, seperti yang diperincikan dengan lebih lanjut dalam peraturan yang pada ketika itu adalah peraturan semasa bagi Dunia Saya, yang mungkin berubah dari semasa ke semasa.

6. DASAR PEMBAYARAN BALIK RIME, SOKONGAN BAGI RIME STORE, DAN SOKONGAN BAGI PRODUK

- 6.1 Semua Pembelian tertakluk pada Dasar Pembayaran Balik RIME, yang boleh didapati di <http://www.blackberry.com/legal/rime-store-refunds-policy>, seperti yang dikemas kini dari semasa ke semasa.

- 6.2 Sila rujuk pada halaman web sokongan untuk perkhidmatan sokongan RIME Store yang berkenaan yang disediakan untuk RIME Store dan pelbagai isu muat turun. Vendor Tawaran bertanggungjawab untuk jaminan dan sokongan Tawaran mereka.
- 6.3 PERUNTUKAN BBSLA YANG BERKAITAN DENGAN SEBARANG TAWARAN, TERMASUK YANG BERKAITAN DENGAN JENIS TAWARAN SEPERTI PERISIAN, PERKHIDMATAN RIM, ITEM PIHAK KETIGA, DAN PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA, BERKUAT KUASA BAGI SEMUA PEMBELIAN TAWARAN ANDA. TANPA MENGEHADKAN PERKARA YANG DINYATAKAN DI ATAS, LESEN, PRIVASI, EKSPORT, JAMINAN, PENAFIAN, PENGECUALIAN, DAN HAD LIABILITI YANG DITETAPKAN DALAM BBSLA YANG BERKENAAN BAGI PERISIAN, PERKHIDMATAN RIM, ITEM PIHAK KETIGA, DAN PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA, BERKUAT KUASA KE ATAS PEMBELIAN TAWARAN YANG MERUPAKAN PERISIAN, PERKHIDMATAN RIM, ITEM PIHAK KETIGA, DAN PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA. SETAKAT YANG MAKSIMUM DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG YANG BERKUAT KUASA, HAD, PENGECUALIAN, DAN PENAFIAN DALAM BBSLA HENDAKLAH BERKUAT KUASA KE ATAS PEMBEKAL PERKHIDMATAN RIME (TERMASUK TANPA HAD, PEMBEKAL PERKHIDMATAN YANG BERKAITAN DENGAN PEMROSESAN PEMBAYARAN).

7. PERSETUJUAN DAN DUTI KASTAM

- 7.1 Anda mungkin dikenakan atau bertanggungjawab untuk membayar caj kastam dan/atau duti import yang dikenakan apabila Anda memuat turun Tawaran-tawaran ini. Sebarang caj tambahan berkaitan bagi kelulusan kastam atau duti import hendaklah dibayar oleh Anda. Anda seharusnya menghubungi pejabat kastam setempat dalam bidang kuasa yang berkaitan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai dasar atau duti kastam yang berkenaan.
- 7.2 Anda hendaklah memperoleh sebarang lesen atau persetujuan mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa yang diperlukan untuk pemerolehan atau penggunaan Tawaran oleh Anda, dengan perbelanjaannya ditanggung oleh Anda sendiri, dan, jika perlu menunjukkan bukti tuntutan berkaitan kepada RIME. Kegagalan untuk melakukan sedemikian akan menyebabkan Anda tidak layak untuk menahan atau melambatkan pembayaran untuk Tawaran tersebut. Sebarang perbelanjaan atau caj tambahan yang ditanggung oleh RIME hasil daripada kegagalan Anda untuk mematuhi Seksyen ini akan dibayar oleh Anda. Tawaran mungkin tertakluk pada undang-undang dan peraturan eksport, import dan kawalan penggunaan dalam wilayah atau bidang kuasa berkaitan yang lain di tempat Anda memungut penghantaran, mengekspor Tawaran dari, mengimport Tawaran ke, atau menggunakan Tawaran tersebut. Anda bertanggungjawab untuk mematuhi undang-undang dan peraturan dan representasi dan jaminan bahawa Anda tidak akan melakukan sesuatu untuk melanggarnya. Di samping itu, Anda bersetuju bahawa Anda akan menanggung kerugian RIME sepenuhnya dan mana-mana pembekal perkhidmatan RIME untuk kegagalan Anda mematuhi seksyen ini.

8. MAKLUMAT PERIBADI DAN PRIVASI ANDA

- 8.1 Di samping maklumat yang Anda telah bersetuju, boleh diproses oleh RIME untuk melengkapkan dan menghantar Pembelian Anda di bawah BBSLA, RIME boleh Memproses akaun kaedah pembayaran Anda yang dibenarkan dan butiran lain seperti kad kredit, alamat pengebilan, maklumat Pembekal Khidmat Keudara, maklumat mengenai Tawaran yang dimuat turun dan dibeli, dan maklumat pengenalan peranti serta butir-butir pengguna berkaitan lain, seperti lokasi Anda pada masa Pembelian ("**Maklumat Pembayaran**"). Anda bersetuju bahawa RIME boleh mendapatkan maklumat tersebut sama ada secara langsung atau daripada pembekal perkhidmatan yang menyediakan perkhidmatan penghantaran dan perkhidmatan penyempurnaan sampingan kepada RIME, pemproses pembayaran seperti PayPal, syarikat kad kredit, atau, dalam hal transaksi yang dibil pembawa yang Terma Pembelian ini berkuat kuasa ke atasnya, Pembekal Khidmat Keudara anda, menurut yang berkenaan. Anda bersetuju supaya Maklumat Pembayaran Anda diberikan oleh RIME kepada MoR pihak ketiga, pemproses pembayaran, atau entiti lain seperti yang diperlukan secara munasabah untuk memudahkan Pembelian dan perkhidmatan sampingan. Dalam sesetengah keadaan, di mana Anda telah memberi maklumat kad kredit anda kepada MoR Pihak Ketiga, Anda mungkin ditanya sama ada pihak ketiga tersebut boleh memberi RIME maklumat ini untuk digunakan di mana RIME bertindak sebagai MoR bagi Pembelian Anda. Jika RIME memperoleh Maklumat Pembayaran tersebut, ia akan digunakan seperti yang diperlukan secara munasabah untuk memudahkan Pembelian Anda berlandaskan Terma Pembelian ini.
- 8.2 Maklumat peribadi yang Diproses oleh RIME dan syarikat sekutunya dan pembekal perkhidmatan akan dilayan menurut Dasar Privasi RIM (yang dengan ini dimasukkan melalui rujukan dan boleh dilihat di

www.blackberry.com/legal atau diperoleh dengan menghantarkan e-mel kepada legalinfo@rim.com). Pemprosesan seperti ini boleh merangkumi penghantaran dan perkhidmatan penyempurnaan sampingan yang berkaitan dengan Pembelian Anda, seperti penghantaran pesanan Anda, memperoleh pembayaran, memaklumkan Anda mengenai status pesanan Anda, memudahkan kemas kini atau pembaharuan langganan bagi Tawaran (jika berkenaan), menambah baik RIME Store dan menyediakan perkhidmatan pelanggan yang berkesan untuk Anda, menguatkuasakan sekatan lesen, membayar cukai yang berkenaan, mengesahkan pengenalan dan mengendalikan pemeriksaan kredit, menyasat dan mencegah aktiviti penipuan, dan mematuhi keperluan undang-undang dan kawal selia seperti yang dibenarkan oleh undang-undang. Maklumat Pembayaran boleh Diproses oleh atau bagi pihak RIME di dalam atau di luar negara tempat Anda berada, termasuk tanpa had di Kanada, Amerika Syarikat, United Kingdom, Singapura, atau negara lain di mana kemudahan dikendalikan oleh atau bagi pihak Kumpulan Syarikat RIM atau pembekal perkhidmatan yang berkenaan. Jika Anda pemastautin di Kawasan Ekonomi Eropah atau mana-mana negara yang persetujuan diperlukan untuk memindahkan maklumat ke luar bidang kuasa, Anda bersetuju dengan Pemprosesan sedemikian.

9. MAKLUMAT TAMBAHAN

9.1 Maklumat hubungan dan maklumat tambahan bagi RIME boleh dilihat di <http://www.blackberry.com/legal/rime>.